

4 pemimpin akan dibicara

11 - 8/2/2007

Jenayah perang dilakukan Bush, Blair, Sharon dan Howard dibongkar

Laporan Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Persidangan Antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang: Jenayahkan Perang yang berakhir di sini, semalam sebulat suara menubuhkan Suruhanjaya Perang Kuala Lumpur bagi meneliti sembilan aspek jenayah perang yang dipercayai dilakukan empat pemimpin dunia.

Suruhanjaya berkenaan akan meneliti sembilan aspek itu yang dipercayai membabitkan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush; Perdana Menteri Britain, Tony Blair; bekas Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon dan Perdana Menteri Australia, John Howard.

Jika ada prima facie, sembilan aspek berkenaan akan dikemukakan kepada Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur yang membabitkan pakar undang-undang antarabangsa untuk tindakan mereka tidak lama lagi.

Persidangan anjuran Perdana Glo-

bal Peace Organisation (Perdana Global) selama tiga hari itu bersetuju jika keempat-empat pemimpin terbabit disabitkan kesalahan, hukuman berat boleh dikenakan terhadap mereka.

Pengerusi Perdana Global yang juga pengerusi persidangan berkenaan, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tribunal berkenaan akan membicarakan keempat-empat pemimpin terbabit meskipun tanpa kehadiran mereka.

"Mereka boleh menghantar peguam masing-masing. Jika didapati bersalah, dikenakan hukuman," katanya.

Diminta menjelaskan kuasa suara masyarakat dunia menentang keganasan perang, Dr Mahathir berkata, masyarakat dunia tidak dapat menentang kuasa ketenteraan AS dan Britain tetapi penyatuan suara itu, termasuk rakyat AS sendiri, mampu membawa perubahan kepada dasar pentadbiran AS dan Britain.

"Sukar untuk kita bersaing dengan media cetak atau elektronik bagi menyatukan suara masyarakat dunia

tetapi kita boleh melakukannya dengan menggunakan blog kerana melalui internet, kita boleh menyebarkan gambar jenayah perang.

"Media seperti CNN (Cable News Network) dan BBC (British Broadcasting Corporation) tidak menyiarkan berita yang benar mengenai penderitaan mangsa perang di Iraq.

Ditanya mengenai pencapaian pertubuhan berkenaan mengehendalikan forum dan persidangan berkenaan, Dr Mahathir berkata, sejak 2005 beliau sudah menyatakan bahawa tidak mudah untuk mengubah fikiran manusia sejagat supaya menganggap perang adalah jenayah dan tidak harus dibenarkan untuk membolehkan mana-mana pihak mencapai matlamat tertentu.

Bekas wakil Dewan Perwakilan Daerah Keempat Georgia, AS, Cynthia McKinney, berkata dengan tersebarannya penyeksaan tahanan Penjara Abu Gharib, masyarakat negara terbabit bukan setakat terkejut, malah mula menentang perang dilancarkan Bush.



CARI KESEPAKATAN: Dr Mahathir bersalaman dengan mangsa dera tentera Amerika Syarikat, Ali Shalah sebelum menutup Persidangan Antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang, Jenayahkan Perang di ibu negara, semalam.

FAKTA

Tuduhan jenayah perang terhadap empat pemimpin

- Menipu Parlimen negara masing-masing untuk melancarkan perang ke atas Iraq.
- Memulakan kempen ekonomi dan ketenteraan untuk memusnahkan Iraq, Lubnan dan Palestin.
- Mengarahkan tentera memusnahkan kemudahan awam di ketiga-tiga negara berkenaan.
- Mengebom sekolah, hospital, masjid, gereja, kawasan penginapan dan kawasan bersejarah.
- membenarkan penggunaan senjata pemusnah yang menyebabkan kematian rakyat ketiga-tiga negara berkenaan.
- Memanipulasi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Memusnahkan alam sekitar ketiga-tiga negara berkenaan.
- Melanggar hak asasi manusia di Penjara Abu Gharib.
- Menyebarkan maklumat palsu kepada media antarabangsa.

FAKTA

Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur

- Tun Dr Mahathir Mohamad - Pengerusi.
- Datuk Dr Yaacob Hussain Merican (peguam bela dan peguam cara).
- Zainur Zakaria (bekas Pengerusi Majlis Peguam Malaysia).
- Musa Ismail (bekas majistret dan peguam bela dan peguam cara).
- Prof Dr Mohd Akram Shair Mohamed (Profesor Undang-undang UIAM).
- Prof Gurdial Singh Nijar (Profesor Undang-undang UM).

Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur

- Datuk Abdul Kadir Sulaiman (bekas Hakim Mahkamah Persekutuan) - Pengerusi.
- Tunku Datuk Dr Sofiah Jewa (peguam bela dan peguam cara).
- Datuk Mohd Saari Yusoff (bekas Hakim Mahkamah Rayuan).
- Prof Shad Faruqi (Profesor Undang-undang UiTM).
- Mohamad Ariff Md Yusoff (peguam bela dan peguam cara).
- Mohd Noor Yahya (bekas Presiden Mahkamah Sesyen dan bekas Pengerusi Mahkamah Perusahaan).
- Datuk Abu Mansor Ali (bekas Hakim Mahkamah Persekutuan).
- Prof Francis A Boyle (penasihat undang-undang PLO mengenai Pembentukan Palestin).
- Prof Salleh Buang (peguam)

Pasukan Peguam Jenayah Perang Kuala Lumpur

- Matthias Chang
- Megat Shahrudin Merican
- Jacqueline Chang
- Elaine Zarina Zainur
- Avtaran Singh
- Nizam Bashir
- Jamal Ridzuwan